



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 3 TAHUN 2026

**GARIS PANDUAN
PENILAIAN PROGRAM AKADEMIK
OLEH PENILAI LUAR, PEMERIKSA LUAR DAN PENASIHAT LUAR
BAGI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
10 Mac 2026

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 3 TAHUN 2026

GARIS PANDUAN
PENILAIAN PROGRAM AKADEMIK
OLEH PENILAI LUAR, PEMERIKSA LUAR DAN PENASIHAT LUAR
BAGI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan Mesyuarat Senat Kali Ke-254 Bil. 3/2026 pada 10 Mac 2026 telah bersetuju meluluskan:

- 1.1 Garis Panduan Penilaian Program Akademik oleh Penilai Luar, Pemeriksa Luar dan Penasihat Luar bagi Universiti Pendidikan Sultan Idris; dan
- 1.2 pembatalan Dasar Pemeriksa Luar (kelulusan Senat Kali Ke-70 Bil. 3 Tahun 2009 bertarikh 19 Mei 2009), Dasar Penilaian Program oleh Penilai Luar (kelulusan Senat Kali Ke-69 Bil. 2 Tahun 2009 bertarikh 19 Mac 2009) dan Surat Pekeliling Pengurusan Akademik Bil. 3 Tahun 2023 - Garis Panduan Pelantikan Pemeriksa Luar, Penasihat Luar dan Lembaga Penasihat Bagi Penawaran Program Akademik Baharu Dan Semakan Semula Program Akademik.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) telah menjelaskan penglibatan penilai/pemeriksa luar (*external examiner*) dalam proses pembangunan program baharu dan semakan semula kurikulum bagi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menawarkan program akademik.

- 2.2 Tujuan penilaian program akademik adalah untuk memastikan kualiti kurikulum yang ditawarkan adalah seiring dengan keperluan pasaran, peredaran masa dan mencakupi perubahan pesat yang berlaku di dunia masa kini.
- 2.3 Penilaian semula program akademik perlu diadakan antara 3 - 5 tahun dari tarikh program pengajian tersebut ditawarkan bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran.
- 2.4 Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualification Agency, MQA*) juga telah mengeluarkan Surat Makluman MQA Bil. 2/2015 bertarikh 17 Jun 2015 - Panduan Penggunaan Istilah Penilai/Pemeriksa Luar (*External Examiner*), Penasihat Luar (*External Advisor*) dan Lembaga Penasihat (*Advisory Board*) yang menjelaskan panduan asas kepada penggunaan istilah ketiga-tiga lantikan tersebut. <https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/ggpnew.cfm>
- 2.5 Dasar Pemeriksa Luar UPSI telah diluluskan oleh Senat pada tahun 2009, namun pelaksanaannya tidak berlaku di peringkat fakulti. Perkara ini juga merupakan salah satu teguran yang diterima oleh fakulti semasa audit pematuhan MQA-04 pada tahun 2025.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Garis panduan ini disediakan untuk membantu Fakulti/Pusat Tanggungjawab (PTj) yang mempunyai program akademik dalam membuat pelantikan penilai luar, pemeriksa luar dan penasihat luar untuk tujuan penambahbaikan kualiti berterusan program akademik yang ditawarkan pada semua peringkat pengajian di UPSI.
- 3.2 Garis panduan ini juga menjelaskan honorarium dan kemudahan yang layak diterima oleh Penilai Luar, Pemeriksa Luar dan Penasihat Luar.

4.0 KEPUTUSAN SENAT

- 4.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan Garis Panduan Penilaian Program Akademik oleh Penilai Luar, Pemeriksa Luar dan Penasihat Luar bagi Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- 4.2 Garis Panduan Penilaian Program Akademik oleh Penilai Luar, Pemeriksa Luar dan Penasihat Luar bagi Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah seperti di **Lampiran A.**

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 10 Mac 2026.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”



(SUHAILA SIDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 10 Mac 2026

LAMPIRAN A



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة السليمانية
سليمانية

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

GARIS PANDUAN

PENILAIAN PROGRAM AKADEMIK OLEH PENILAI LUAR, PEMERIKSA LUAR DAN PENASIHAT LUAR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK

GARIS PANDUAN PENILAIAN PROGRAM AKADEMIK OLEH PENILAI LUAR, Pemeriksa Luar dan Penasihat Luar bagi Universiti Pendidikan Sultan IDRIS

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) telah menjelaskan penglibatan penilai/pemeriksa luar (external examiner) dalam proses pembangunan program baharu dan semakan semula kurikulum bagi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menawarkan program akademik.
- 1.2 Tujuan penilaian program akademik adalah untuk memastikan kualiti kurikulum yang ditawarkan adalah seiring dengan keperluan pasaran, peredaran masa dan mencakupi perubahan-perubahan pesat yang berlaku di dunia masa kini.
- 1.3 Penilaian semula program akademik perlu diadakan antara 3 - 5 tahun dari tarikh program pengajian tersebut ditawarkan bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran.
- 1.4 Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysia Qualification Agency, MQA) juga telah mengeluarkan Surat Makluman MQA Bil. 2/2015 bertarikh 17 Jun 2015 - Panduan Penggunaan Istilah Penilai/Pemeriksa Luar (*External Examiner*), Penasihat Luar (*External Advisor*) dan Lembaga Penasihat (*Advisory Board*) yang menjelaskan panduan asas kepada penggunaan istilah ketiga-tiga lantikan tersebut (<https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/ggpnew.cfm>).
- 1.5 Dasar Pemeriksa Luar UPSI telah diluluskan oleh Senat pada tahun 2009, namun pelaksanaannya tidak berlaku di peringkat fakulti. Perkara ini juga merupakan salah satu teguran yang diterima oleh fakulti semasa audit pematuhan MQA-04 pada tahun 2025.
- 1.6 Garis panduan ini disediakan untuk membantu Fakulti/Pusat Tanggungjawab (PTj) yang mempunyai program akademik dalam membuat pelantikan Penilai Luar, Pemeriksa Luar dan Penasihat Luar untuk tujuan penambahbaikan kualiti berterusan program akademik yang ditawarkan pada semua peringkat pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

2.0 PENILAI LUAR

- 2.1 Dalam konteks pembangunan program baharu dan semakan semula program akademik, Penilai Luar adalah merujuk kepada individu daripada luar Universiti yang dilantik untuk membantu program Fakulti/PTj.

- 2.2 Penilai luar bagi pembangunan program baharu terdiri daripada Ahli Akademik dan Ahli Industri yang menganggotai Jawatankuasa Penilaian Program (JKPP) di Fakulti/PTj.
- 2.3 Penilai Luar bagi semakan semula program pula terdiri daripada Ahli Akademik, Ahli Industri dan Ahli Alumni yang menganggotai Jawatankuasa Penilaian Program (JKPP) di Fakulti/PTj.
- 2.4 Penilai Luar juga boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar untuk memeriksa kertas soalan peperiksaan (keputusan Senat Kali Ke-70 Bil. 3 Tahun 2009 bertarikh 19 Mei 2009) dan menjalankan peranan seperti yang dinyatakan pada perenggan 2.7 dan perenggan 3.6.

2.5 Kriteria

2.5.1 Individu luar dari UPSI yang mempunyai:

- a) kelayakan akademik dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya peringkat Sarjana; ATAU
- b) kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya lima (5) tahun bagi ahli akademik dan ahli industri (tiada tempoh ditetapkan bagi ahli alumni); DAN
- c) tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI (*No conflict of interest*).

2.5.2 Bagi program pengajian tahap 7 dan ke atas (Kerangka Kelayakan Malaysia, MQF), lantikan ahli akademik mestilah sekurang-kurangnya bertaraf Profesor Madya (pengecualian kepada bidang-bidang yang kritikal).

2.6 Tahap dan Skop Penglibatan

2.6.1 Tahap penglibatan Penilai Luar adalah di peringkat kursus/program.

2.6.2 Skop penglibatan Penilai Luar di peringkat kursus adalah penilaian terhadap bahan dan hasil pentaksiran.

2.6.3 Skop penglibatan Penilai Luar di peringkat program adalah penilaian terhadap kurikulum program.

2.7 Peranan dan Tanggungjawab

- 2.7.1 Menentukan kesesuaian kurikulum dan kandungan kursus program prasiswazah dan pascasiswazah dengan tujuan meningkatkan kualiti graduan yang dihasilkan serta relevan dengan keperluan gunatenaga berkemahiran tinggi.
- 2.7.2 Menentukan bahawa perkembangan baharu di dalam disiplin akademik masing-masing dimasukkan ke dalam kurikulum dan kandungan kursus program pengajian.
- 2.7.3 Menilai objektif program, hasil program dan hasil pembelajaran yang ditawarkan dan sumbangan kursus mengikut tahap taksonomi.
- 2.7.4 Menilai kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di universiti.
- 2.7.5 Mengenal pasti beban tugas pelajar dan kesesuaian tugas/projek yang diberikan.
- 2.7.6 Mengenal pasti pengajian di peringkat pasca siswazah melibatkan bidang-bidang penyelidikan yang sedia ada.
- 2.7.7 Menilai infrastuktur fizikal dan pentadbiran dan membuat perakuan yang sesuai untuk memperbaikinya.
- 2.7.8 Menilai aspek-aspek berkaitan dengan bentuk dan cara pentaksiran serta menentukan sama ada tahap akademik yang dicapai setanding dengan *standard* antarabangsa.
- 2.7.9 Mengadakan sesi temubual/soal selidik kepada pelajar berkenaan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di universiti.
- 2.7.10 Menyediakan laporan berpandukan format yang disediakan.

2.8 Pelantikan

2.8.1 Syarat Lantikan

- a) Mempunyai kelayakan akademik dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya peringkat Sarjana ATAU kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya lima (5) tahun bagi ahli akademik dan ahli industri (tiada tempoh ditetapkan bagi ahli alumni).

- b) Bagi program yang terlibat dengan badan profesional, kelayakan untuk lantikan Penilai Luar adalah tertakluk kepada badan profesional yang berkaitan.
- c) Ahli akademik yang sedang berkhidmat di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di dalam atau di luar negara yang dikategorikan pakar dan bersesuaian dengan keperluan Fakulti/PTj tertakluk memenuhi syarat 2.8.1 a).
- d) Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI (*No conflict of interest*).
- e) Bilangan Penilai Luar bagi setiap program yang perlu dilantik adalah tiga (3) orang iaitu ahli akademik, ahli industri dan ahli alumni. Bagi permohonan program akademik baharu, tiada keperluan ahli alumni.
- f) Penilai Luar yang dilantik tidak boleh memegang lantikan sebagai Penasihat Luar Akademik pada tempoh lantikan yang sama dalam satu program pengajian.
- g) Bagi program yang melibatkan kaedah penyampaian secara Terbuka dan Jarak Jauh (Open Distance Learning, ODL) atau Work Based Learning (WBL), Penilai Luar yang dilantik perlu mempunyai pengalaman luas atau latar belakang yang relevan dalam ODL atau WBL.

2.8.2 Tempoh Pelantikan

Tempoh pelantikan adalah sehingga penawaran program. Tempoh pelantikan boleh disambung dengan mendapat kelulusan Senat dan perlu melalui proses seperti permohonan baharu. Sepanjang tempoh lantikan, Penilai Luar adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di UPSI.

2.8.3 Proses Kerja Pelantikan

Bil.	Proses	Tindakan
1	Mengenalpasti Penilai Luar yang akan dilantik	Fakulti/PTj
2	Menyediakan Kertas Cadangan beserta Curriculum Vitae yang lengkap bagi Pelantikan Penilai Luar untuk perakuan JKPA/JPS.	Fakulti/PTj
3	Menyediakan Kertas Cadangan beserta Curriculum Vitae yang lengkap bagi Pelantikan Penilai Luar untuk Kelulusan Senat	JKPA/JPS

Bil.	Proses	Tindakan
4	Memaklumkan keputusan pelantikan Penilai Luar kepada Fakulti/PTj	JKPA/JPS
5	Menyediakan surat lantikan, berserta skop tugas dan Akuan Penerimaan Penilai Luar <i>Nota: Surat lantikan perlu menyatakan kod program MQA dan tempoh lantikan</i>	BHEA/IPS
6	Menandatangani surat lantikan Penilai Luar	TNCAA
7	Menghantar surat lantikan kepada Penilai Luar	Fakulti/PTj

Nota:

JKPA – Jawatankuasa Perancangan Akademik bagi program prasiswazah

JPS – Jawatankuasa Pengajian Siswazah bagi program Pascasiswazah

2.9 Pelaporan

Penilai Luar perlu membuat laporan mengikut format yang disediakan dan akan dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat fakulti, JKPA/JPS dan Senat.

2.10 Honorarium dan Kemudahan

Jenis Bayaran/Kemudahan	Kadar Penilai Luar & Kadar Penilai Luar (Ahli Akademik) yang dilantik Pemeriksa Luar secara serentak	
	Dalam Negara	Luar Negara
Honorarium: Program Prasiswazah Program Pasca Siswazah	RM1,000 / lantikan RM1,000 / lantikan	USD 1,000 / lantikan USD 1,000 / lantikan
Elaun Penginapan	Staf Kerajaan Malaysia: Mengikut Kelayakan Lain-lain: Mengikut Kelayakan JUSA C	
Elaun Perjalanan Kenderaan		
Tambang Pengangkutan Awam		
Tol		
Elaun Kedatangan Mesyuarat	RM500 / hari	
Elaun Harian	Tiada	
Perubatan	Tiada	
Kemudahan lain	Perkhidmatan perpustakaan, penggunaan ruang/alat pejabat, faksimili, komputer dan Internet	

3.0 PEMERIKSA LUAR

- 3.1 Dalam garis panduan ini, Pemerika Luar merujuk kepada individu luar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan serta tidak mempunyai kepentingan secara langsung dengan pihak yang melantik (*no conflict of interest*).
- 3.2 Istilah Pemeriksa Luar dalam garis panduan ini hanya digunapakai untuk tujuan penilaian terhadap bahan dan hasil pentaksiran dan tidak berkaitan dengan garis panduan pelantikan pemeriksa disertasi/tesis program pengajian siswazah utk tujuan *viva voce* yang dikeluarkan oleh Institut Pengajian Siswazah
- 3.3 Bagi Pemeriksa Luar yang juga dilantik sebagai Penilai Luar perlu menjalankan peranan dan tanggungjawab seperti yang dinyatakan pada perenggan 2.7 dan perenggan 3.6.
- 3.4 Program yang **BUKAN** sedang dalam semakan, perlu melantik Pemeriksa Luar sekurang-kurangnya setahun sekali bagi melaksanakan penilaian terhadap bahan dan hasil pentaksiran.

3.5 Kriteria

3.5.1 Individu luar dari UPSI yang mempunyai:

- d) kelayakan akademik dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya peringkat Sarjana; ATAU
- e) kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya lima (5) tahun; DAN
- f) tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI (*No conflict of interest*).

3.5.2 Bagi program pengajian tahap 7 dan ke atas (Kerangka Kelayakan Malaysia, MQF), lantikan mestilah sekurang-kurangnya bertaraf Profesor Madya (pengecualian kepada bidang-bidang yang kritikal).

3.6 Tahap dan Skop Penglibatan

3.6.1 Tahap penglibatan Pemeriksa Luar adalah di peringkat kursus.

3.6.2 Skop penglibatan Pemeriksa Luar di peringkat kursus adalah penilaian terhadap bahan dan hasil pentaksiran mengikut bidang yang merentasi semua tahap pengajian.

3.7 Peranan dan Tanggungjawab

- 3.7.1 Menilai skrip jawapan pelajar dan memastikan pelajar dinilai oleh pensyarah dengan adil dan saksama untuk sesuatu kursus yang ditawarkan.
- 3.7.2 Memastikan pelajar dinilai dengan elemen-elemen yang mencukupi untuk sesuatu kursus.
- 3.7.3 Mengenal pasti kesesuaian pemberat yang ditetapkan untuk sesuatu kursus dan tempoh masa menjawab yang dibenarkan kepada pelajar.
- 3.7.4 Memastikan kualiti soalan peperiksaan adalah bersesuaian dengan tahap pengajian dan selaras dengan *standard* semasa.
- 3.7.5 Membandingkan skema jawapan dengan skrip jawapan pelajar yang mewakili markah terendah, markah sederhana dan markah tinggi.
- 3.7.6 Mengenal pasti kesesuaian soalan dalam mencapai hasil pembelajaran dan kesesuaian soalan mengikut tahap taksonomi.
- 3.7.7 Menilai tugas/laporan/disertasi/tesis/projek yang disediakan oleh pelajar.
- 3.7.8 Menilai dan memberi maklum balas berkenaan proses dan prosedur kerja bagi pelaksanaan aktiviti pentaksiran/peperiksaan di universiti.
- 3.7.9 Menyediakan laporan berpandukan format yang disediakan.

3.8 Pelantikan

3.8.1 Syarat Lantikan

- a) Mempunyai kelayakan akademik dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya peringkat Sarjana ATAU kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya lima (5) tahun.
- b) Ahli akademik yang sedang berkhidmat di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di dalam atau di luar negara yang dikategorikan pakar dan bersesuaian dengan keperluan Fakulti/PTj tertakluk memenuhi syarat 3.7.1 a).
- c) Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI (*No conflict of interest*).

- d) Bilangan Pemeriksa Luar adalah seorang dan merupakan ahli akademik.
- h) Pemeriksa Luar yang dilantik tidak boleh memegang lantikan sebagai Penasihat Luar Akademik pada tempoh lantikan yang sama dalam satu program pengajian.

3.8.2 Tempoh Pelantikan

Tempoh pelantikan adalah setahun. Tempoh pelantikan boleh disambung dengan mendapat kelulusan Senat dan perlu melalui proses seperti permohonan baharu. Sepanjang tempoh lantikan, Pemeriksa Luar adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di UPSI.

3.8.3 Proses Kerja Pelantikan

Bil.	Proses	Tindakan
1	Mengenalpasti Pemeriksa Luar yang akan dilantik	Fakulti/PTj
2	Menyediakan Kertas Cadangan beserta Curriculum Vitae yang lengkap bagi Pelantikan Pemeriksa Luar untuk perakuan JKPA/JPS.	Fakulti/PTj
3	Menyediakan Kertas Cadangan beserta Curriculum Vitae yang lengkap bagi Pelantikan Pemeriksa Luar untuk Kelulusan Senat	JKPA/JPS
4	Memaklumkan keputusan pelantikan Pemeriksa Luar kepada Fakulti/PTj	BHEA/IPS
5	Menyediakan surat lantikan, beserta skop tugas dan Akuan Penerimaan Pemeriksa Luar <i>Nota: Surat lantikan perlu menyatakan kod program MQA dan tempoh lantikan</i>	BHEA/IPS
6	Menandatangani surat lantikan Pemeriksa Luar	TNCAA
7	Menghantar surat lantikan kepada Pemeriksa Luar	Fakulti/PTj

Nota:

JKPA – Jawatankuasa Perancangan Akademik bagi program prasiswazah

JPS – Jawatankuasa Pengajian Siswazah bagi program Pascasiswazah

3.9 Pelaporan

Pemeriksa Luar perlu membuat laporan mengikut format yang disediakan dan akan dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat fakulti, JKPA/JPS dan Senat.

3.10 Honorarium dan Kemudahan

Jenis Bayaran/Kemudahan	Kadar Pemeriksa Luar	
	Dalam Negara	Luar Negara
Honorarium: Bayaran merentasi semua tahap pengajian	RM1,000 / lantikan	USD 1,000 / lantikan
Elaun Penginapan	Staf Kerajaan Malaysia: Mengikut Kelayakan Lain-lain: Mengikut Kelayakan JUSA C	
Elaun Perjalanan Kenderaan		
Tambang Pengangkutan Awam		
Tol		
Elaun Kedatangan Mesyuarat	RM500 / hari	
Elaun Harian	Tiada	
Perubatan	Tiada	
Kemudahan lain	Perkhidmatan perpustakaan, penggunaan ruang/alat pejabat, faksimili, komputer dan Internet	

4.0 PENASIHAT LUAR

4.1 Kriteria

4.1.1 Individu luar dari UPSI yang mempunyai:

- a) kelayakan akademik dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya peringkat Sarjana; ATAU
- b) kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya lima (5) tahun; DAN
- c) tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI (*No conflict of interest*).

4.1.2 Penasihat Luar boleh mempunyai ikatan secara tidak langsung dengan UPSI yang melantik kerana peranan Penasihat Luar adalah sebagai penasihat dalam pembangunan program baharu dan menambahbaik sesebuah program di UPSI.

4.1.3 Penasihat Luar di UPSI juga dikenali sebagai Penasihat Luar Akademik (PLA)

4.1.4 Bagi program yang melibatkan kaedah penyampaian secara Terbuka dan Jarak Jauh (Open Distance Learning, ODL) atau Work Based Learning

(WBL), Penasihat Luar yang dilantik perlu mempunyai pengalaman luas atau latar belakang yang relevan dalam ODL atau WBL.

- 4.1.5 Bagi program pengajian tahap 7 dan ke atas (Kerangka Kelayakan Malaysia, MQF), lantikan PLA mestilah sekurang-kurangnya bertaraf Profesor Madya (pengecualian kepada bidang-bidang yang kritikal).

4.2 Tahap dan Skop Penglibatan

- 4.2.1 Tahap penglibatan Penasihat Luar adalah di peringkat program.
- 4.2.2 Skop penglibatan Penasihat Luar adalah di peringkat awal penggubalan program akademik baharu sehingga program ditawarkan dan peringkat awal semakan semula program akademik sehingga kelulusan semakan.

4.3 Peranan dan Tanggungjawab

- 4.3.1 Penasihat Luar yang dilantik berperanan memberi cadangan dan pandangan di peringkat awal penggubalan kurikulum program akademik baharu terutama dari segi kesesuaian reka bentuk program.
- 4.3.2 Bagi semakan semula program akademik, Penasihat Luar berperanan untuk memberi cadangan dan pandangan terhadap pelaksanaan kurikulum semasa.
- 4.3.3 Bagi program mod industri, Penasihat Luar yang dilantik perlu mempunyai pengalaman luas atau latar belakang yang relevan dalam bidang pengkhususan program dan sedang berkhidmat di industri berkaitan di dalam atau di luar negara yang dikategorikan pakar dan bersesuaian dengan keperluan entiti akademik.
- 4.3.4 Tanggungjawab Penasihat Luar yang dilantik adalah seperti berikut:
- a) memberi input, nasihat dan pandangan terhadap perkara berikut untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat Fakulti/PTj :
- i. kesesuaian reka bentuk program
 - ii. komponen/struktur kurikulum
 - iii. kaedah pengajaran dan pembelajaran
 - iv. proses penilaian/pentaksiran
 - v. keperluan standard program
 - vi. senario pasaran kerja dan kecenderungan guna tenaga negara
 - vii. keunikan dan kelebihan program akademik yang ditawarkan
 - viii. kelestarian dan hala tuju program akademik
 - ix. potensi kerjasama antara Fakulti/PTj dan universiti dengan industri

- x. Lain-lain perkara yang berkaitan atau bersesuaian
- b) menyediakan laporan penilaian program prasiswazah/pascasiswazah dan dihantar kepada Penyelaras Program untuk dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat fakulti, JKPA/JPS dan Senat.

4.4 Pelantikan

4.4.1 Syarat Lantikan

- a) Mempunyai kelayakan akademik dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya peringkat Sarjana ATAU kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya lima (5) tahun.
- b) Bagi program yang terlibat dengan badan profesional, kelayakan untuk lantikan Penasihat Luar adalah tertakluk kepada badan profesional yang berkaitan.
- c) Ahli akademik yang sedang berkhidmat di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di dalam ataupun di luar negara yang dikategorikan pakar dan bersesuaian dengan keperluan Fakulti/PTj tertakluk memenuhi syarat 4.4.1 a)
- d) Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI (*No conflict of interest*).
- e) Boleh mempunyai ikatan secara tidak langsung dengan UPSI yang melantik. Sebagai contoh bekas tenaga pengajar atau alumni program yang berkaitan di UPSI.
- f) Bilangan Penasihat Luar bagi setiap program yang perlu dilantik adalah minimum seorang untuk setiap sesi lantikan.
- g) Penasihat Luar yang dilantik tidak boleh memegang lantikan sebagai Penilai Luar/Pemeriksa Luar pada tempoh lantikan yang sama dalam satu program pengajian.

4.4.2 Tempoh Pelantikan

Tempoh pelantikan adalah sehingga penawaran program. Tempoh pelantikan boleh disambung dengan mendapat kelulusan Senat dan perlu melalui proses seperti permohonan baharu. Sepanjang tempoh lantikan, Penasihat Luar adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di UPSI.

4.4.3 Proses Kerja Pelantikan

Bil.	Proses	Tindakan
1	Mengenalpasti Penasihat Luar yang akan dilantik	Fakulti/PTj
2	Menyediakan Kertas Cadangan beserta Curriculum Vitae yang lengkap bagi Pelantikan Penasihat Luar untuk perakuan JKPA/JPS	Fakulti/PTj
3	Menyediakan Kertas Cadangan beserta Curriculum Vitae yang lengkap bagi Pelantikan Penasihat Luar untuk Kelulusan Senat	JKPA/JPS
4	Memaklumkan keputusan pelantikan Penasihat Luar kepada Fakulti/PTj	BHEA/IPS
5	Menyediakan surat lantikan, beserta skop tugas dan Akuan Penerimaan Penasihat Luar <i>Nota: Surat lantikan perlu menyatakan kod program MQA dan tempoh lantikan</i>	BHEA/IPS
6	Menandatangani surat lantikan Penasihat Luar	TNCAA
7	Menghantar surat lantikan kepada Penasihat Luar	Fakulti/PTj

Nota:

JKPA – Jawatankuasa Perancangan Akademik bagi program prasiswazah

JPS – Jawatankuasa Pengajian Siswazah bagi program Pascasiswazah

4.5 Pelaporan

Penasihat Luar perlu membuat laporan mengikut format yang disediakan dan akan dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat fakulti, JKPA/JPS dan Senat.

4.6 Honorarium dan Kemudahan

Jenis Bayaran/Kemudahan	Kadar Penasihat Luar	
	Dalam Negara	Luar Negara
Honorarium: Program Prasiswazah Program Pasca Siswazah	RM1,000 / lantikan RM1,000 / lantikan	USD 1,000 / lantikan USD 1,000 / lantikan
Elaun Penginapan	Staf Kerajaan Malaysia: Mengikut Kelayakan Lain-lain: Mengikut Kelayakan JUSA C	
Elaun Perjalanan Kenderaan		
Tambang Pengangkutan Awam		
Tol		

Jenis Bayaran/Kemudahan	Kadar Penasihat Luar	
	Dalam Negara	Luar Negara
Elaun Kedatangan Mesyuarat	RM500 / hari	
Elaun Harian	Tiada	
Perubatan	Tiada	
Kemudahan lain	Perkhidmatan perpustakaan, penggunaan ruang/alat pejabat, faksimili, komputer dan Internet	

5.0 RUJUKAN

- 5.1 Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*)
- 5.2 Surat Makluman MQA Bil. 2/2015 bertarikh 17 Jun 2015 - Panduan Penggunaan Istilah Penilai/Pemeriksa Luar (*External Examiner*), Penasihat Luar (*External Advisor*) dan Lembaga Penasihat (*Advisory Board*)
- 5.3 Prosedur Pengurusan Kurikulum UPSI

6.0 PEMBATALAN

- 6.1 Dasar Penilaian Program oleh Penilai Luar (Senat Kali ke-69 Bil. 2 Tahun 2009 bertarikh 19 Mac 2009).
- 6.2 Dasar Pemeriksa Luar (kelulusan Senat Kali Ke-70 Bil. 3 Tahun 2009 bertarikh 19 Mei 2009).
- 6.3 Surat Pekeliling Pengurusan Akademik Bi. 3 Tahun 2023 – Garis Panduan Pelantikan Pemeriksa Luar, Penasihat Luar dan Lembaga Penasihat Bagi Penawaran Program Akademik Baharu Dan Semakan Semula Program Akademik.